

28 MAY 1999

YANG DI-PERTUAN AGONG TERIMA PINGAT D.K.M

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini dianugerahi Darjah Kebesaran Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M) oleh Kerajaan Malaysia.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu istiadat di Istana Negara.

Menurut kenyataan Istana Negara, Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah pula dianugerahkan Darjah Kebesaran Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N).

Yang turut hadir paca upacara itu ialah Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Mohamed Ya'akob, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Panglima Angkatan Tentera Jen Datuk Seri Zahidi Zainuddin, Tengku Bendahara Selangor dan Tengku Panglima Diraja Selangor.

-- BERNAMA

AR WAT